



Seni ukiran Hotel Dayang tarik minat PM

● DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad (tengah) mendongak untuk memerhatikan ukiran lampu yang indah tergantung di bumbung sebuah dewan di Hotel Dayang yang akan dibuka sebelum akhir tahun ini.

Hotel Dayang yang dihiasi dengan ukiran tradisional dan kesenian negara itu adalah sebahagian dari Institut Latihan Hotel dan Restoran, Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) yang akan menyediakan latihan dalam pelbagai bidang pengurusan hotel.

Sebagai pemimpin yang memen-

tingkan mutu, Datuk Seri Dr Mahathir sudah semestinya membuat teguran untuk sesuatu diperbaiki jika ada cacat-celanya di tempat itu.

Pengerusi PDPN, Dr Nawawi Mat Awin (kanan beliau), Pengarah PDPN, Haji Arshad Marsidi (kanan Dr Nawawi) serta pegawai-pegawai lain turut melihat apa yang menjadi tumpuan Perdana Menteri itu.

Perdana Menteri, yang melawat PDPN semalam, sempat meninjau keadaan hotel yang berharga \$14 juta itu.